





Model Kurikulum dan Strategi Pedagogi di Sekolah Dalam Hospital: Kajian Literatur Sistemik dalam Konteks Pendidikan

Muhammad Al Afiq Amiruddin, *¹, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain ², Afiq Fadhlullah Yusoff ³, Afiq Afnan Surjana ⁴

^{1,2,3,4} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti model kurikulum dan strategi pedagogi yang telah diaplikasikan dalam konteks Sekolah Dalam Hospital (SDH) melalui pendekatan Kajian Literatur Sistemik (Systematic Literature Review). SDH merupakan pendekatan alternatif yang memberi peluang pendidikan kepada murid yang menjalani rawatan jangka panjang di hospital. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PdP dalam SDH berdepan dengan pelbagai cabaran unik yang menuntut pendekatan fleksibel, adaptif dan bersifat terapeutik. Kajian ini menggunakan protokol PRISMA dan melibatkan carian daripada tiga pangkalan data utama (DOAJ, ERA dan ERIH PLUS), yang memperolehi 133 artikel. Setelah melalui proses saringan, sebanyak 11 artikel dipilih untuk dianalisis secara mendalam menggunakan analisis tematik. Dapatan menunjukkan bahawa model kurikulum yang digunakan dalam SDH menekankan penyesuaian kandungan, laluan pembelajaran individu dan keseimbangan emosi murid. Strategi pedagogi yang berkesan pula merangkumi pendekatan reflektif, didik hibur, biblioterapi, serta penggunaan teknologi seperti SMART dan TPACK. Kajian juga mengenal pasti beberapa cabaran pelaksanaan, termasuk kekangan sumber, tekanan emosi guru dan keperluan kolaborasi rentas bidang antara sektor pendidikan dan kesihatan. Kajian ini mencadangkan keperluan kepada model PdPc yang holistik, fleksibel dan kontekstual bagi menjamin keberkesanan pendidikan hospital di masa hadapan.

SEJARAH ARTIKEL

Peroleh 27 June 2025
Semakan 29 Julai 2025
Terima 14 Ogos 2025

KATA KUNCI

Model Kurikulum;
Strategi Pedagogi;
Sekolah dalam Hospital;
Pendidikan.

Curriculum Models and Pedagogical Strategies in Hospital Schools: A Systematic Literature Review in the Context of Education

ABSTRACT

This study aims to identify curriculum models and pedagogical strategies that have been implemented in the context of School in Hospital (SiH) through a Systematic Literature Review (SLR) approach. SiH serves as an alternative educational initiative that provides continuous learning opportunities for students undergoing long-term treatment in hospitals. However, the implementation of teaching and learning (T&L) in SiH faces unique challenges that require flexible, adaptive, and therapeutic approaches. This study adopted the PRISMA protocol and involved searches across three major databases (DOAJ, ERA, and ERIH PLUS), yielding 133 articles. After a screening process, 11 articles were selected for in-depth analysis using thematic analysis. The findings indicate that the curriculum models used in SiH emphasize content adaptation, individualized learning pathways, and the emotional well-being of students. Effective pedagogical strategies include reflective approaches, edutainment, bibliotherapy and the integration of technology such as SMART and TPACK frameworks. The study also identifies several implementation challenges, including resource constraints, emotional stress among teachers and the need for cross-sector collaboration between education and healthcare. This review highlights the need for a holistic, flexible, and contextually relevant PdPc model to ensure the sustainability and effectiveness of hospital-based education in the future.

ARTICLE HISTORY

Received 27 June 2025

Revised 29 July 2025

Accepted 14 Ogos 2025

KEYWORDS

Curriculum Models;
Pedagogical Strategies;
School in Hospital;
Education; Systematic
Literature Review.

1. Pengenalan

Pendidikan merujuk kepada suatu proses yang sistematik dan berterusan yang bertujuan membentuk potensi individu. Pendidikan bukan sahaja terbatas kepada peringkat persekolahan formal, malah meliputi aspek pembelajaran sepanjang hayat yang menyokong pembangunan sendiri dan sosial seseorang individu. Dalam konteks ini, pelbagai kajian telah membincangkan pelaksanaan pendidikan sepanjang hayat melalui teori dan pendekatan yang berbeza. Sebagai contoh, Teori konstruktivisme menjadi asas penting dalam pelaksanaan teknologi digital dalam pendidikan sepanjang hayat, yang menekankan penggunaan persekitaran pembelajaran peribadi serta rangkaian pembelajaran sendiri untuk menyokong keaktifan pelajar dalam proses pembelajaran (Mohammed & Kinyó, 2020). Selain itu, konsep *temporality* iaitu kepentingan unsur masa dan perkembangan secara berperingkat dalam pendidikan turut dikemukakan sebagai elemen penting dalam merangka strategi pendidikan jangka panjang (Brandi *et al.*, 2024).

Sekolah Dalam Hospital (SDH) merupakan satu inisiatif pendidikan khas yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Yayasan Nurul Yaqeen (YNY) pada tahun 2011. Matlamat utama program ini adalah

untuk memastikan murid yang menjalani rawatan jangka panjang di hospital tidak tercicir dalam pelajaran dan dapat meneruskan proses pembelajaran secara formal walaupun berada di luar bilik darjah konvensional. Program SDH di Malaysia bertujuan menyediakan pendidikan berterusan kepada murid yang dirawat di hospital, termasuk mereka yang menghidap penyakit kronik (Buyong & Othman, 2018). Pendidikan hospital telah berkembang secara global sejak beberapa dekad lalu, dengan pelbagai negara seperti United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat dan Sepanyol melaksanakan bentuk pendidikan tersendiri di hospital yang disesuaikan dengan sistem kesihatan dan kurikulum masing-masing (Shiu, 2004; Hopkins *et al.*, 2020). Peranan sekolah hospital ini semakin mendapat perhatian, khususnya apabila terdapat peningkatan jumlah murid yang mengalami penyakit kronik, memerlukan rawatan susulan yang lama atau terpaksa menjalani rawatan dalam tempoh tidak menentu.

Model SDH yang dilaksanakan di Malaysia diadaptasi daripada sistem pendidikan hospital di Australia, namun disesuaikan dengan konteks sosio-budaya dan sistem penjagaan kesihatan tempatan. Model ini bukan sahaja menyokong pembangunan akademik murid, malah turut menekankan aspek kesejahteraan emosi dan psikososial (Phin & Yasin, 2019). Sehingga kini, lebih daripada 15 buah hospital awam di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak telah melaksanakan program SDH ini.

2. Kajian Literatur

2.1 Sekolah dalam Hospital (SDH)

Sekolah dalam hospital memainkan peranan penting dalam memastikan hak kepada pendidikan bagi kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan jangka panjang (Caggiano *et al.*, 2021). Sekolah-sekolah ini berdepan dengan pelbagai cabaran unik, termasuk keperluan menyesuaikan diri dengan keperluan pendidikan yang pelbagai, keperluan untuk bekerjasama dengan profesional penjagaan kesihatan, serta pengurusan sumber yang terhad (Jiliberto & Zárate Alva, 2025). Guru yang berkhidmat dalam persekitaran hospital memerlukan kemahiran khusus untuk menyokong keperluan emosi dan pendidikan pelajar, di samping bertindak sebagai jambatan antara persekitaran hospital dengan dunia luar (Caggiano *et al.*, 2021). Walaupun amalan pedagogi dalam sekolah hospital adalah pelbagai, masih terdapat kekurangan model yang seragam (Castro Ibáñez, 2023). Pendekatan inovatif seperti Model *Edu-Med Care*, yang menggabungkan teknologi pendidikan *SMART* dan teknologi penjagaan kesihatan, telah dicadangkan bagi mengatasi halangan pembelajaran dalam kalangan pelajar yang sedang dirawat di hospital (Almazroui, 2023). Memahami konteks unik sekolah dalam hospital adalah penting bagi pihak berkepentingan dan pembuat dasar untuk memastikan pendidikan yang saksama dan berkualiti untuk semua pelajar, tanpa mengira keadaan kesihatan mereka (Jiliberto & Zárate Alva, 2025).

Namun, pelaksanaan PdP dalam hospital bukan sekadar soal menyampaikan isi kandungan kurikulum. Ia juga melibatkan cabaran besar seperti persekitaran pembelajaran yang tidak tetap, tekanan emosi murid, batasan masa dan sumber bahan bantu mengajar. Guru perlu bertindak

bukan sahaja sebagai pendidik, tetapi juga sebagai penyokong emosi dan rakan interaksi terapeutik kepada murid. Dalam sesetengah kes, kolaborasi antara guru, profesional kesihatan dan ibu bapa turut menjadi kunci keberkesanan pelaksanaan program pendidikan dalam konteks hospital (Palacios Zumba *et al.*, 2024). Kajian-kajian terdahulu menonjolkan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan hospital khususnya dari aspek pendidikan inklusif, seperti kekangan pembelajaran, keperluan emosi dan sosial murid serta keperluan pendekatan pedagogi yang adaptif. Pendekatan inovatif seperti biblioterapi menggunakan karya sastera kanak-kanak didapati dapat meningkatkan motivasi murid hospital, merangsang perkembangan bahasa dan kognitif, serta memperbaiki prestasi akademik mereka (Omar, 2018). Bagi mengatasi cabaran pelaksanaan, penyelidik mencadangkan agar wujudnya kerjasama rentas bidang dan integrasi antara perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, sekali gus menjadikan bilik darjah hospital sebagai ruang pemulihan holistik yang menyokong kesejahteraan murid (Palacios Zumba *et al.*, 2024).

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang membincangkan aspek pengajaran dan pembelajaran dalam hospital, dapatan daripada kajian tersebut masih tidak teratur dan kurang disatukan dalam bentuk semakan literatur yang menyeluruh. Justeru, kajian ini dilaksanakan sebagai Kajian Literatur Sistemik (*Systematic Literature Review, SLR*) yang bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis model kurikulum serta pendekatan pedagogi yang telah dilaporkan dalam konteks pendidikan hospital. Penelitian ini juga bertujuan mengenal pasti jurang kajian sedia ada dan mencadangkan hala tuju bagi pembangunan dasar serta amalan pendidikan yang lebih mampan dan kontekstual dalam bilik darjah hospital.

2.2 Strategi pembelajaran

Ringkasan ini merumuskan dapatan kajian berkaitan strategi pengajaran dan reka bentuk pengajaran. Pelan pembangunan profesional boleh meningkatkan pembelajaran berterusan dalam kalangan guru, namun keberkesanannya bergantung pada garis panduan yang jelas, sokongan berterusan, dan penyepaduan dengan strategi sekolah (Korkko *et al.*, 2020). Pengajaran secara maya secara berpasukan melibatkan pelbagai strategi komunikasi seperti teguran, permintaan bantuan, dan teknik menarik perhatian (Zainal & Md Noor, 2023). Pembelajaran berasaskan projek dalam pendidikan pula didapati dapat mempertingkatkan strategi pengajaran dan kemahiran pelajar, walaupun berdepan cabaran seperti kehendak kurikulum dan kekangan sumber (Mohd Hawari & Mohd Noor, 2020). Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran matematik pula dipengaruhi oleh pengetahuan dan kemahiran guru, yang memerlukan pendedahan berterusan dan galakan agar sejajar dengan matlamat kurikulum dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Musa & Meor Samsudin, 2021). Kesemua kajian ini menekankan kepentingan perancangan strategik, komunikasi berkesan, pendekatan pedagogi inovatif dan pembangunan profesional berterusan dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran merentas pelbagai subjek dan konteks.

Kajian terkini telah meneliti pelbagai strategi pengajaran bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan kemahiran pelajar. Pengajaran secara maya berpasukan dalam pengajaran bahasa menggunakan tujuh strategi komunikasi utama, termasuk teguran, bantuan dan teknik menarik

perhatian (Muhammad Zuhair Zainal & Shuhaida Md Noor, 2023). Pelaksanaan pengurusan strategik di sekolah pula melibatkan perumusan visi dan misi, penyepaduan pendidikan Islam dalam kurikulum, serta mewujudkan persekitaran mesra kanak-kanak (Setyaningsih, 2022). *Strategi Preview, Question, Read, Reflect, Recite, Review* (PQ4R) didapati berkesan dalam meningkatkan kemahiran pemahaman membaca dalam kalangan murid sekolah rendah berbanding kaedah lain (Anggraini et al., 2021). Bagi perkembangan literasi awal kanak-kanak, guru menggunakan strategi nyanyian dan penceritaan, namun menghadapi cabaran seperti kekangan sumber dan penglibatan ibu bapa. Bagi mengatasi hal ini, guru menggunakan pendekatan kreatif seperti permainan pendidikan dan aktiviti berkaitan abjad (Siti Aisyah & M. Musa, 2023). Kepelbagaian strategi ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam pelbagai konteks pendidikan.

Kajian berkaitan strategi pengajaran dan reka bentuk pengajaran dalam konteks Sekolah Dalam Hospital (SDH) menonjolkan beberapa aspek penting. Program SDH bertujuan untuk menyediakan pendidikan berterusan kepada murid yang sedang dirawat di hospital, termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas seperti disleksia (K. Kadir, 2020). Pendekatan pengajaran yang berkesan dalam persekitaran SDH boleh dibangunkan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran (K. Kadir, 2020). Pembangunan strategi pemahaman dalam numerasi turut ditekankan bagi murid SDH, dengan memberi tumpuan kepada kemahiran abad ke-21 dan pemikiran aras tinggi (Siti Rahaimah Ali et al., 2021). Dalam konteks sekolah biasa, pelaksanaan kurikulum baharu seperti Reka Bentuk dan Teknologi berdepan dengan cabaran dari segi pengetahuan guru, peruntukan masa, dan bahan bantu mengajar (Zamri Sahaat & Nurfaradilla Binti Mohamad Nasri, 2020). Bagi pendidikan menyeluruh, strategi pengajaran kreatif seperti pengajaran pemulihan, pendekatan deduktif dan induktif, serta pembelajaran koperatif boleh diaplikasikan khususnya di peringkat sekolah rendah (Imam Yuwono & M. Mirnawati, 2021). Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran motor dan interaksi sosial murid yang mempunyai keperluan khas.

2.3 Cabaran dan Keberkesanan Pelaksanaan

Pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam program Sekolah Dalam Hospital (SDH) dan konteks pendidikan lain menghadapi pelbagai cabaran. Di SDH, guru berusaha memberikan pendidikan yang berkesan kepada murid berkeperluan khas seperti disleksia, meskipun beroperasi dalam persekitaran hospital yang unik (K. Kadir, 2020). Pandemik COVID-19 telah memaksa peralihan kepada pembelajaran dalam talian, yang membawa kesan positif dan negatif kepada guru dan murid, termasuk isu kesambungan internet dan kesukaran menyesuaikan diri (K. A. Jamaludin, 2021). Dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi, guru menghadapi cabaran berkaitan pengetahuan kurikulum, peruntukan masa, serta keperluan bahan bantu mengajar dan modul tambahan (Zamri Sahaat & Nurfaradilla Binti Mohamad Nasri, 2020). Pendekatan pembelajaran berbeza di sekolah rendah pula berdepan dengan halangan seperti kekangan masa, saiz kelas yang besar dan tahap kemahiran murid yang tidak seimbang (Nur Hanisah Radi & Syawal Amran, 2023).

Keperluan terhadap pendidikan berterusan dalam kalangan murid yang dirawat di hospital semakin kritikal apabila isu ketidakhadiran murid secara berpanjangan membawa implikasi terhadap pencapaian akademik, kesejahteraan emosi dan perkembangan sosial mereka. Suasana pembelajaran yang jauh berbeza daripada bilik darjah konvensional memerlukan guru-guru menggunakan pendekatan yang lebih fleksibel, terapeutik dan bersifat adaptif bagi memenuhi keperluan unik setiap murid. Dalam konteks ini, reka bentuk kurikulum dan strategi pengajaran memainkan peranan utama untuk menjamin kesinambungan pendidikan dan memelihara hak pembelajaran murid dalam apa jua keadaan kesihatan mereka. Walaupun pelbagai rintangan dihadapi, para pendidik terus menyesuaikan diri dan melaksanakan strategi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai persekitaran pendidikan.

3. Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibangunkan menggunakan model SPIDER telah diperkenalkan oleh (Cooke et al., 2012) sebagai pendekatan alternatif kepada model PICO, khususnya untuk kajian yang bersifat kualitatif atau bercampur (*mixed-method*). Model ini sangat berguna untuk membantu penyelidik membina soalan kajian literatur sistematik yang menumpukan kepada pengalaman, persepsi dan fenomena pendidikan.

Bil.	Elemen Model SPIDER	Kandungan Dalam Kajian
1.	<i>S: Sample</i>	Guru, pelajar, dan penyelidik dalam konteks Sekolah Dalam Hospital.
2.	<i>PI: Phenomenon of Interest</i>	Model kurikulum dan pendekatan pengajaran dalam SDH.
3.	<i>D: Design</i>	Kajian terdahulu (reka bentuk PdPc)
4.	<i>E: Evaluation</i>	Keberkesanan, kesesuaian, adaptasi.
5.	<i>R: Research Type</i>	Kualitatif dan reka bentuk pengajaran (literatur sistematik)

1. Apakah model kurikulum dan pendekatan pengajaran yang telah dilaporkan dalam kajian lepas berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Dalam Hospital, serta bagaimana reka bentuk dan keberkesanannya dihuraikan dalam konteks pendidikan hospital?"
2. Bagaimanakah pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam Sekolah Dalam Hospital direka bentuk dan dilaksanakan menurut bukti daripada kajian lepas?
3. Apakah unsur kurikulum yang disesuaikan dalam konteks pendidikan hospital seperti yang dijelaskan dalam kajian literatur sedia ada?

4. Metodologi

Penulisan ini menggunakan kaedah metodologi yang dikenali sebagai PRISMA, yang sesuai digunakan dalam kajian menggunakan kaedah ulasan sistematik, dengan menetapkan kriteria

kelayakan dan penyingkiran melalui langkah-langkah proses semakan yang meliputi pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*), kemasukan (*included*), serta pengekstrakan dan penganalisan data. Kajian ini menggunakan *DOAJ*, *ERA* dan *ARIH PLUS* sebagai pangkalan data kerana pengkalan data ini merangkumi jurnal yang sesuai dan berkualiti tinggi dengan bidang model kurikulum dan pendekatan pengajaran dalam pendidikan Sekolah dalam Hospital (SDH). Di samping itu, metodologi seperti *Search String* dan pelaporan berpandukan protokol PRISMA turut diaplikasikan bagi meningkatkan ketelusan serta keterangkuman dapatan kajian. Kaedah ini berpandukan kepada PRISMA Statement (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) yang terkini berdasarkan Page *et al.* (2021).

PRISMA mempunyai tiga kelebihan utama, iaitu:

1. Mentakrifkan soalan penyelidikan dengan jelas bagi membolehkan kajian dilakukan secara sistematik,
2. Mengenal pasti kriteria kemasukan dan penyingkiran dengan terperinci, dan
3. Membolehkan penilaian terhadap sejumlah besar literatur saintifik dalam tempoh masa yang ditentukan.

Seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1, ulasan sistematik ini melibatkan empat langkah utama: (1) pengenalpastian, (2) penapisan, (3) penentuan kelayakan, dan (4) kemasukan. Kami mematuhi kriteria PRISMA kerana analisisnya berasaskan bukti dan menyokong pelaporan kajian literatur sistematik yang telus serta menyeluruh. Ketelusan dan kesempurnaan dalam pelaporan ini penting bagi menjamin kualiti penyelidikan, kerana ia membolehkan pembaca menilai prosedur penyelidikan serta kredibiliti dapatan kajian yang dijalankan (Sarkis-Onofre *et al.*, 2021).

Kata kunci berikut telah digunakan dalam pencarian pangkalan data: *Curriculum Models*, *Instructional Approaches* dan *Hospital Schools*. Carian dilakukan dalam pangkalan *DOAJ*, *ERA* dan *ARIH PLUS* dan menghasilkan sebanyak 133 hasil. Walau bagaimanapun, hanya 11 kajian dianggap relevan berdasarkan kriteria berikut:


- (1) kajian menyatakan bahawa Sekolah dalam Hospital (SDH),
- (2) kajian diterbitkan antara tahun 2019 hingga 2025, dan kajian tersebut berbahasa inggeris
- (3) kajian tersebut mengandungi data empirikal atau kajian literatur.
- (4) kajian tersebut di dalam kategori pendidikan

Setelah dianalisis menggunakan kaedah ulasan literatur sistematik yang diadaptasi daripada (Page *et al.* ,2021.), dapatan kajian ini telah diringkaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Search strings used for the systematic review process

Database	Boolean Operator Used
DOAJ	("Hospital School" OR "School in Hospital" OR "Hospital-based Education" OR "Education for Hospitalised Children" OR "Education of

	Sick Children") AND ("Curriculum" OR "Teaching" OR "Instruction" OR "Learning" OR "Pedagogy") AND ("Model*" OR "Approach*" OR "Method*" OR "Framework" OR "Practice") NOT ("University" OR "Teaching Hospital" OR "Medical Education" OR "Higher Education" OR "Clinical Training" OR "Nursing") NOT ("clerkship" OR "clinical education" OR "nursing" OR "resident" OR "social work" OR "house officer" OR "medical record" OR "surgical training" OR "higher education" OR "undergraduate medical")
ERA	("Hospital School" OR "School in Hospital" OR "Hospital-based Education" OR "Education for Hospitalised Children" OR "Education of Sick Children") AND ("Curriculum" OR "Teaching" OR "Instruction" OR "Learning" OR "Pedagogy") AND ("Model*" OR "Approach*" OR "Method*" OR "Framework" OR "Practice") NOT ("University" OR "Teaching Hospital" OR "Medical Education" OR "Higher Education" OR "Clinical Training" OR "Nursing") NOT ("clerkship" OR "clinical education" OR "nursing" OR "resident" OR "social work" OR "house officer" OR "medical record" OR "surgical training" OR "higher education" OR "undergraduate medical")
ERIH PLUS	("Hospital School" OR "School in Hospital" OR "Hospital-based Education" OR "Education for Hospitalised Children" OR "Education of Sick Children") AND ("Curriculum" OR "Teaching" OR "Instruction" OR "Learning" OR "Pedagogy") AND ("Model*" OR "Approach*" OR "Method*" OR "Framework" OR "Practice") NOT ("University" OR "Teaching Hospital" OR "Medical Education" OR "Higher Education" OR "Clinical Training" OR "Nursing") NOT ("clerkship" OR "clinical education" OR "nursing" OR "resident" OR "social work" OR "house officer" OR "medical record" OR "surgical training" OR "higher education" OR "undergraduate medical")



Rajah 1: Rajah Alir Kajian PRISMA 2020 (Diadaptasi daripada Page et al. (2021))

4.1 Pengenalpastian (*Identification*)

Proses pengenalan kajian dilakukan secara sistematik melalui tiga pangkalan data yang diiktiraf, iaitu DOAJ ($n=31$), ERA ($n=73$) dan ERIH Plus ($n=25$), ianya menjadikan jumlah awal sebanyak 129 rekod. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40 rekod duplikasi telah dikenal pasti dan dibuang. Penapisan awal turut melibatkan penyingkiran 36 artikel yang tidak berada dalam julat tahun penerbitan yang ditetapkan (2019–2025), serta 35 artikel lain yang tidak berkaitan dengan bidang pendidikan. Selepas proses penapisan ini, sejumlah 18 artikel dikekalkan untuk proses saringan selanjutnya. Proses ini dilaksanakan secara teliti bagi memastikan hanya kajian yang relevan dan kontemporari sahaja dipertimbangkan dalam ini seperti yang disarankan oleh Page *et al.* (2021) dalam protokol PRISMA 2020.

4.2 Penapisan (*Screening*)

Dalam fasa penapisan, 18 artikel telah disaring untuk menilai kesesuaiannya dengan kriteria kajian. Tiada artikel yang dikeluarkan secara automatik oleh perisian (automation tools), kerana semua artikel yang diperolehi telah dikenal pasti sebagai artikel penuh dan bukan abstrak semata-mata. Proses penapisan seterusnya melibatkan usaha mendapatkan akses penuh kepada artikel berkenaan. Sebanyak 4 artikel tidak dapat diperolehi kerana bukan akses terbuka (*not open access*), menyebabkan 14 artikel seterusnya dinilai untuk kelayakan. Ini sejajar dengan garis panduan PRISMA yang menggalakkan keterbukaan dan ketelusan dalam akses terhadap kajian yang dinilai (Page *et al.*, 2021).

4.3 Dimasukkan (*Included*)

Daripada 14 artikel yang dinilai bagi kelayakan, sebanyak 3 artikel telah dikecualikan berdasarkan alasan berikut iaitu tidak menggunakan teknologi AR ($n=0$), tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium penulisan ($n=3$) dan tidak memenuhi keperluan penilaian kualiti kajian ($n=0$). Maka, berdasarkan analisis awal yang dilakukan, sejumlah 11 kajian akhirnya dimasukkan ke dalam sorotan literatur sistematik ini. Kesemua kajian yang dipilih memenuhi kriteria keseluruhan dari segi tahun penerbitan, skop bidang (pendidikan hospital) dan kesesuaian reka bentuk kajian. Dapatan daripada kajian-kajian ini menjadi asas utama kepada pemetaan tema dan analisis mendalam dalam bahagian hasil dan perbincangan.

Proses pengekstrakan data dijalankan dengan memindahkan maklumat daripada setiap artikel yang layak ke dalam borang pengekstrakan data yang dibangunkan oleh penyelidik. Borang ini merangkumi item seperti nama penulis, tahun penerbitan, reka bentuk kajian, konteks negara, model kurikulum, strategi pedagogi, cabaran pelaksanaan dan dapatan utama. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik secara manual berpandukan enam fasa Braun dan Clarke (2006), iaitu: (1) pembiasaan dengan data, (2) penjaan kod awal, (3) pencarian tema, (4) semakan tema, (5) pendefinisian dan penamaan tema, dan (6) penulisan laporan akhir. Analisis dilakukan secara kolaboratif oleh semua penyelidik untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan dapatan.

5. Analisis Data

Proses analisis data dalam kajian ini dijalankan secara sistematik berpandukan pendekatan ulasan literatur secara sistematik (Systematic Literature Review, SLR). Data diperoleh hasil daripada proses pengekstrakan maklumat daripada artikel-artikel yang telah memenuhi kriteria saringan. Keseluruhannya, sebanyak 11 artikel telah dianalisis bagi menjawab objektif dan persoalan kajian menggunakan kaedah analisis tematik secara induktif dan deduktif.

Jadual 2: Analisis Kritikal Kajian

Penulis	Model Kurikulum / Adaptasi	Reka Bentuk PdP / Pendekatan	Metodologi Kajian	Kerangka Teori	Dapatan Utama / Keberkesanan	Isu Kontekstual SDH
Di Padova et al. (2024)	Kurikulum individu, laluan pembelajaran fleksibel, fokus kesinambungan pembelajaran.	Kolaborasi pelbagai pihak, pendekatan berpusatkan murid, latihan guru berkaitan psikologi & perubahan.	Tidak dinyatakan	Pedagogi hospital dan komuniti mendidik.	Menyokong kesejahteraan psikologi, mengurangkan stres, galak daya tahan.	Gangguan rutin, tekanan emosi, hubungan kompleks, peranan keluarga dan guru.
Caggiano et al. (2021)	Kurikulum fleksibel, menyesuaikan dengan keperluan kognitif dan afektif.	Perancangan individu, pembelajaran sendiri, strategi SRL.	Tidak dinyatakan	Pendekatan holistik: sokongan psikososial dan pendidikan.	Cegah keciciran, bantu peralihan ke sekolah biasa, sokongan ibu bapa.	Persekitaran hospital tidak kondusif, guru terpinggir, kurang bahan bantu.
Asim Ari (2025)	Kurikulum pendidikan khas: sekolah integrasi, kelas khas, terapi bahasa dan psikomotor.	Pengajaran individu berdasarkan keperluan murid.	Tidak dinyatakan	Teori pendidikan khas & pembangunan holistik.	Tidak dinyatakan secara khusus.	Ordinan khas mengawal selia pendidikan hospital & khas hingga umur 20 tahun.
Jong Yii Phin et al. (2019)	Kurikulum arus perdana diubah suai mengikut keperluan kesihatan pelajar.	Pendekatan didik hibur, interaktif, SeDAAP, guru fasilitator.	Kajian kes kualitatif, temu bual guru & staf sokongan.	Teori Kognitif Sosial (Bandura)	SDH bantu pelajar terus belajar, kurangkan keciciran, beri sokongan emosi.	Cabaran emosi pelajar, jangka masa pendek PdP, keperluan PdP individu.
Małkowska-Szkućnik et al. (2021)	Kurikulum arus perdana, disesuaikan mengikut kesihatan murid.	Fokus sokongan emosi, hubungan guru-pelajar-ibu bapa, pengajaran fleksibel.	Kajian kualitatif, temu bual separa berstruktur.	Grounded Theory	Guru rasa terpinggir, murid tetap terlibat walau sakit, penting hubungan dengan sekolah induk.	Pengiktirafan guru hospital rendah, cabaran semasa COVID-19.
Sandra Keehan (2021)	Kurikulum NCCA (Ireland), termasuk Aistear & garis panduan keperluan khas.	Pengajaran pelbagai tahap, CPD, kerjasama dengan ibu bapa & kakitangan perubahan.	Kajian kes, temu bual & analisis dokumen.	Analisis tematik	Guru hadapi tekanan emosi & masa, sokongan sistem CPD bantu.	Pengajaran di tepi katil, kekangan masa, keperluan PD berterusan.
Jiliberto & Zárate (2025)	Pelan pembelajaran individu harian, sesuaikan ikut tahap & keperluan murid.	Kaedah inovatif, suasana kelas positif, pengajaran pelbagai tahap.	Reka bentuk campuran, soal selidik dan analisis tematik.	Tidak dinyatakan	Kekangan sumber, kurang latihan profesional, kepuasan kerja tinggi.	Keperluan latihan, koordinasi dengan sekolah asal & profesional hospital.
FERGAL MCNAMARA (2024)	Tidak nyatakan model, fokus kepada kandungan latihan & kompetensi guru.	Latihan dalam komunikasi, sendiri, SEN, pengurusan emosi.	Kajian kes, soal selidik & kumpulan fokus.	Interpretivis / konstruktivis	Keperluan latihan spesifik, komuniti amalan penting.	Kekurangan pelan induksi, keperluan kesejahteraan staf.
Almazroui (2023)	Model Edu-Med Care, pelan pembelajaran individu, integrasi teknologi SMART.	Kelas maya, aplikasi interaktif, sokongan sosial & emosi, kerjasama ibu bapa.	Kajian literatur & analisis dasar.	Gabungan teori pendidikan & kesihatan	Menyokong murid kronik, perlukan kerjasama guru-kakitangan perubahan.	Cabaran integrasi sistem pendidikan-kesihatan, kekangan interaksi fizikal.

Ruiz et al. (2016)	Kurikulum muzik: Sepanyol (1 jam/minggu), Sweden (1 jam/minggu + terapi muzik).	Terapi bermain, peranan guru muzik, kerjasama keluarga.	Kajian kes, temu bual & pemerhatian.	Perspektif tadbir urus pendidikan	Pendidikan muzik berkurangan, Sweden integrasi muzik dalam terapi.	Pengabaian terhadap muzik, pendekatan berbeza antara negara.
Dorit Maor et al. (2020)	Model TPACK & SAMR. Penggunaan aplikasi: e-book, iMovie, GarageBand	-Pendekatan pedagogi berasaskan teknologi mudah alih - Sesi bimbingan individu & kumpulan kecil - Penetapan matlamat & refleksi	Kajian kualitatif, Refleksi guru, refleksi iCoach dan Temu bual separa berstruktur	TPACK (Teknologi, Pedagogi & Kandungan) - SAMR (Pengganti hingga Pengubahan Semula)	-Model bimbingan berkesan dibangunkan - Meningkatkan keupayaan guru dalam penggunaan teknologi - Pendekatan reflektif dan berperingkat penting	- Cabaran murid tidak dapat hadir ke sekolah biasa - Pergerakan pelajar yang kerap - Motivasi & keperluan pelajar berbeza - Isu sambungan internet & akses sumber - Kerahsiaan & keselamatan teknologi

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam konteks Sekolah Dalam Hospital (SDH) memerlukan pendekatan yang fleksibel, bersifat individu, dan memberi penekanan kepada kesejahteraan emosi murid. Pendekatan-pendekatan ini lazimnya disesuaikan mengikut keadaan kesihatan murid serta persekitaran hospital yang unik dan mencabar. Kajian oleh Di Padova et al. (2024) memperkenalkan kurikulum yang fleksibel, dengan pelaksanaan laluan pembelajaran individu yang memfokuskan kepada kesinambungan pendidikan. Pendekatan mereka melibatkan kolaborasi pelbagai pihak, termasuk guru, profesional perubatan dan keluarga, bagi membina persekitaran pembelajaran yang inklusif dan menyokong kesejahteraan psikologi murid. Walaupun tiada metodologi dinyatakan secara jelas, kerangka teorinya berpaksikan pedagogi hospital dan konsep komuniti mendidik.

Selaras dengan itu, Caggiano et al. (2021) menekankan peranan strategi pembelajaran sendiri dan pendekatan holistik dalam membantu murid menyesuaikan diri secara emosi dan akademik sepanjang rawatan. Meskipun metodologi tidak dinyatakan, keberkesanan program dinilai melalui pencapaian akademik, pengurangan keciciran dan peningkatan motivasi murid. Cabaran seperti kekurangan ruang pengajaran dan keutamaan kepada rawatan klinikal turut dikenalpasti. Dalam konteks pendidikan khas, Asim Ari (2025) memberi fokus kepada pendekatan individu dan sokongan terapi, namun hasil kajian tidak dinyatakan secara khusus. Isu kontekstual utama ialah peraturan khas yang mengawal pendidikan hospital dan pendidikan khas sehingga umur 20 tahun. Kajian tempatan oleh Jong Yii Phin et al. (2019) memperkenalkan pendekatan "didik hiburan" dan strategi SeDAAP (Self-Directed, Self-Assessed, Self-Paced), dengan guru sebagai fasilitator. Kajian kes yang dijalankan berdasarkan Teori Kognitif Sosial Bandura menunjukkan keberkesanan SDH dalam mengekalkan kesinambungan pembelajaran, menyokong emosi murid dan menangani cabaran kesihatan kronik.

Małkowska-Szcutnik *et al.* (2021) menumpukan kepada peranan guru hospital yang sering berasa terpinggir dan kurang mendapat pengiktirafan daripada pihak perubatan. Menggunakan Grounded Theory, kajian ini mendedahkan bahawa hubungan interpersonal dan penglibatan

murid secara emosi memberi kesan positif terhadap motivasi guru. Kajian oleh Keehan (2021) pula menggunakan kurikulum NCCA di Ireland dan menekankan pengajaran pelbagai tahap dan keperluan. Melalui analisis tematik, dapatan menunjukkan bahawa rutin perancangan yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak dan program CPD memainkan peranan penting dalam kelangsungan PdP di hospital. Dalam kajian Jiliberto dan Zárate (2025), pendekatan inovatif dalam pengajaran turut dilaporkan. Kajian reka bentuk campuran ini mendedahkan bahawa kekangan sumber, latihan dan kepelbagaian tahap pelajar merupakan antara isu utama, namun guru tetap melaporkan kepuasan kerja yang tinggi. Fergal McNamara (2024) pula menggariskan keperluan latihan dalam kemahiran komunikasi, pengurusan emosi dan pendidikan khas sebagai komponen penting dalam pembangunan profesional guru hospital. Kajian ini menggunakan analisis tematik secara kualitatif berdasarkan soal selidik dan kumpulan fokus.


Kajian inovatif oleh Almazroui (2023) mencadangkan Model Edu-Med Care yang menggabungkan pembelajaran berasaskan teknologi SMART dan perkhidmatan perubatan. Model ini memberi tumpuan kepada pembelajaran individu, penggunaan bilik darjah maya, dan sokongan sosial melalui kolaborasi antara guru, ibu bapa dan kakitangan kesihatan. Akhir sekali, Ruiz et al. (2016) meneliti pendidikan muzik dalam sekolah hospital di Sepanyol dan Sweden. Kajian ini menekankan peranan terapi muzik dalam pendidikan hospital serta perbezaan ketara dari segi kurikulum dan latihan guru muzik antara kedua-dua negara. Secara keseluruhannya, semua kajian bersetuju bahawa pelaksanaan PdP dalam SDH memerlukan reka bentuk kurikulum yang fleksibel dan pendekatan pengajaran yang berpusatkan murid. Isu kontekstual seperti kekangan masa, tekanan emosi, keperluan kerjasama antara sektor kesihatan dan pendidikan, serta pengiktirafan profesional terhadap guru hospital merupakan elemen penting yang perlu diambil kira dalam membina model PdPc yang berkesan dalam konteks hospital.

Jadual 3: Tema Utama

Penulis & Tahun	Reka Bentuk Kajian	Fokus / Konteks Negara	Kurikulum Fleksibel	Strategi Pedagogi	Cabaran Pelaksanaan
McNamara (2025)	Kajian Kes Kualitatif	Ireland – Keperluan latihan guru hospital	/	/	/
Caggiano et al. (2021)	Ulasan Perspektif (Viewpoint)	Itali – Hak pendidikan pelajar hospital	/	/	/
Ari (2025)	Ulasan Polisi	Switzerland – Ordinan pendidikan khas di hospital	/	/	/
Fransisca (2025)	Kajian Gabungan	Global – Faktor mempengaruhi kejayaan pendidikan hospital	/	/	/
Garcia (2016)	Kajian Kualitatif	Sepanyol – Pendidikan muzik di hospital sebagai terapi		/	
Sandra (2021)	Kajian Naratif	Ireland – Refleksi guru dan murid hospital	/	/	/
Karima (2023)	Cadangan Model Model SMART	Global – Model sekolah hospital berasaskan teknologi	/	/	/

Marilena (2024)	Analisis Komuniti	Itali – Peranan komuniti dalam pendidikan hospital	/	/	/
Asim (2025)	Ulasan Polisi	Switzerland – Pendidikan khas untuk kanak-kanak hospital	/	/	/
Jong & Mohd Hanafi (2019)	Kajian Konseptual & Kes	Malaysia – Isu dan cabaran pelaksanaan SDH	/	/	/
Mitchem (2020)	Kajian Naratif Reflektif	USA – Bimbingan pedagogi guru SDH		/	/

Berdasarkan analisis 11 artikel yang dikaji, tiga tema utama telah dikenal pasti iaitu Kurikulum Fleksibel, Strategi Pedagogi dan Cabaran Pelaksanaan. Tema *Kurikulum Fleksibel* merujuk kepada keperluan menyesuaikan kandungan pembelajaran mengikut tahap kesihatan, keupayaan dan situasi pelajar hospital. Tema *Strategi Pedagogi* pula menekankan pendekatan pengajaran yang bersifat kreatif, terapeutik, kolaboratif dan bersesuaian dengan konteks hospital bagi menyokong perkembangan kognitif dan emosi pelajar. Seterusnya, tema *Cabaran Pelaksanaan* merangkumi kekangan dari segi sumber manusia, sokongan profesional, polisi, jadual rawatan yang mengganggu pembelajaran, serta keperluan kerjasama antara sektor pendidikan dan kesihatan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan pendidikan dalam hospital memerlukan kurikulum yang anjal, strategi pengajaran yang adaptif, serta sokongan pelaksanaan yang mantap daripada semua pihak berkepentingan.



Rajah 2: Analisis Rangkaian Konsep Berkaitan Sekolah Dalam Hospital: Penemuan daripada Kajian Literatur

Rajah rangkaian yang dihasilkan menggunakan VOSviewer menunjukkan keterhubungan antara kata kunci utama yang sering muncul dalam kajian berkaitan Sekolah Dalam Hospital (SDH). Terdapat dua kelompok konsep utama yang dapat dikenal pasti, yang ditandai dengan warna yang berbeza iaitu merah dan hijau, yang masing-masing mewakili fokus pendidikan dan fokus perubatan/sosial murid.

Kelompok merah memusatkan tumpuan kepada dimensi pendidikan, meliputi istilah seperti *education*, *teacher*, *hospital teacher*, *perception*, *data*, *analysis*, dan *context*. Kata kunci utama seperti *hospital school* dan *need* menjadi simpul tengah yang menghubungkan pelbagai komponen, menunjukkan kepentingan isu keperluan murid dan peranan guru dalam mengendalikan PdPc di hospital. Perkaitan antara *data*, *analysis*, dan *teacher* menunjukkan banyak kajian bersifat empirik dan menyasarkan pemahaman mendalam tentang konteks guru di persekitaran SDH.

Manakala kelompok hijau pula memberi tumpuan kepada dimensi murid dan hospital, melibatkan istilah seperti *child*, *student*, *school*, *hospital*, *role*, dan *hospitalization*. Tumpuan kepada *child* dan *hospitalization* mencerminkan keprihatinan terhadap kesejahteraan murid yang berada dalam rawatan, manakala *role* menggambarkan keterlibatan pelbagai pihak dalam menjayakan pendidikan dalam konteks kesihatan.

Persilangan antara kelompok ini misalnya sambungan antara *hospital school, education, child* dan *need* menunjukkan bahawa kajian literatur sedia ada memberi penekanan kepada pendekatan bersepadu antara pendidikan dan kesihatan, serta perlunya penyesuaian kurikulum dan pendekatan pengajaran. Selain itu, keterhubungan *perception* dan *context* dengan *teacher* menandakan pentingnya pemahaman konteks kerja dan pandangan guru dalam pembentukan dasar dan latihan guru hospital.

Secara keseluruhan, rajah ini memberikan gambaran yang jelas bahawa topik berkaitan SDH bukan sahaja menyentuh aspek pedagogi dan kurikulum, tetapi juga menekankan kepentingan emosi, sosial dan kesihatan murid. Analisis rangkaian ini menyokong keperluan untuk membangunkan model PdPc yang holistik, terapeutik dan berfokuskan murid dalam konteks pendidikan hospital.

6. Perbincangan

Bahagian ini membincangkan tiga tema utama berdasarkan aspek penilaian yang dikenal pasti daripada kajian lepas, iaitu motivasi, penglibatan atau hasil pembelajaran. Beberapa kajian memfokuskan kepada aspek hasil pembelajaran, khususnya dalam menilai keberkesanan intervensi terhadap pencapaian akademik dan pemahaman pelajar. Selain itu, terdapat juga kajian yang memberi penekanan kepada tahap penglibatan dan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran, terutamanya dari segi keterlibatan emosi dan minat terhadap kandungan pembelajaran. Di samping itu, sebilangan kajian turut menilai pencapaian kemahiran berbahasa yang terhasil melalui pendekatan pedagogi tertentu. Kesemua kajian ini dikategorikan mengikut tema utama dan sub-tema seperti yang ditunjukkan dalam Jadual x.

6.1 Kurikulum Fleksibel

Explains Kurikulum fleksibel merupakan elemen penting dalam pendidikan hospital yang memberi ruang kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran mengikut tahap kesihatan dan keupayaan masing-masing. Dalam banyak kajian, penyesuaian kandungan kurikulum didapati dapat mengurangkan tekanan pembelajaran bagi pelajar yang sedang menerima rawatan jangka panjang (Caggiano et al., 2021; Karima, 2023). Misalnya, di Switzerland, Asim (2025) menekankan bahawa pendidikan khas di hospital tidak harus bersifat statik tetapi harus membolehkan pelajar belajar mengikut kadar pemulihan mereka.

Di Malaysia, kurikulum SDH dirancang untuk menyokong pembelajaran teras dan disesuaikan mengikut keadaan kesihatan pelajar (Jong & Mohd Hanafi, 2019). Pendekatan seperti SeDAAP yang dilaksanakan di sekolah-sekolah khas turut menyumbang kepada reka bentuk kurikulum yang adaptif. Model SMART yang dicadangkan oleh Karima (2023) pula menunjukkan bagaimana teknologi boleh membantu menyediakan bahan pembelajaran fleksibel yang boleh diakses pada bila-bila masa.

Sebahagian besar kajian menekankan pentingnya kurikulum yang fleksibel dalam pendidikan hospital, membolehkan pelajar menyesuaikan pembelajaran mengikut tahap kesihatan dan keadaan rawatan. Di Switzerland, Asim (2025) menegaskan bahawa kurikulum tidak boleh bersifat statik, sebaliknya perlu memberi ruang untuk pemulihan sendiri. Caggiano et al. (2021) dan Karima (2023) pula menunjukkan penyesuaian kandungan mampu mengurangkan tekanan akademik dan memudahkan kesinambungan pembelajaran. Di Malaysia, Jong dan Mohd Hanafi (2019) menjelaskan bahawa kurikulum SDH disusun berdasarkan subjek teras dan disesuaikan mengikut jadual rawatan. Model SMART oleh Karima (2023) mencadangkan penggunaan teknologi untuk memudahkan akses bahan secara sendiri. Dapatan ini mengesahkan bahawa kurikulum fleksibel adalah keperluan asas bagi menjamin keterlibatan pelajar hospital secara berkesan.

6.2 Strategi Pedagogi

Explains Strategi pengajaran di SDH memerlukan pendekatan khas yang mengambil kira dimensi psikososial pelajar. Dalam kajian Garcia (2016), penggunaan muzik sebagai medium pendidikan bukan sahaja menyokong pembelajaran kognitif, tetapi juga membantu menstabilkan emosi pelajar. Begitu juga dengan pendekatan biblio-terapi seperti yang dibincangkan oleh Omar (2018), yang membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembacaan berunsur pemulihan. Kajian oleh Mitchem (2020) menekankan bahawa strategi pedagogi yang berkesan di SDH bukan sekadar berpusat kepada kandungan, tetapi turut merangkumi aspek coaching, refleksi, dan pembangunan profesional guru. McNamara (2025) pula menunjukkan bahawa guru perlu dilatih untuk mengenalpasti strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap motivasi dan kesediaan belajar pelajar hospital. Pendekatan komuniti seperti yang digariskan oleh Marilena (2024) menegaskan bahawa strategi pedagogi berkesan harus bersifat kolaboratif dan menyeluruh.

Strategi pedagogi dalam SDH menekankan pendekatan psikososial, terapeutik dan kontekstual. Kajian oleh Garcia (2016) mendapati bahawa muzik sebagai medium pendidikan menyokong kestabilan emosi dan motivasi pelajar. Omar (2018) pula mengemukakan biblio-terapi sebagai strategi berasaskan naratif yang mendorong ekspresi diri dan pemahaman bahasa. Mitchem (2020) mengutarakan keperluan bimbingan reflektif dan pembangunan profesional berterusan bagi guru hospital. McNamara (2025) menyokong perlunya latihan berfokus kepada strategi pengajaran responsif, manakala Marilena (2024) menegaskan pentingnya kolaborasi komuniti dalam pelaksanaan pedagogi yang menyeluruh. Dapatan menunjukkan bahawa strategi pengajaran di hospital perlu bersifat dinamik, interaktif dan bersepadu.

6.3 Cabaran Pelaksanaan

Explains Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di hospital berdepan pelbagai kekangan. Jong dan Mohd Hanafi (2019) mengenal pasti isu utama seperti kekangan sumber manusia, jadual rawatan yang tidak menentu, dan ketiadaan perancangan dasar yang konsisten. Guru sering kali terpaksa menyesuaikan pengajaran mereka dalam tempoh masa yang sangat terhad dan tanpa sokongan bahan bantu mengajar khusus. Kajian Fransisca (2025) turut melaporkan bahawa ketiadaan latihan khusus untuk guru SDH mengakibatkan kurangnya keberkesanan dalam

menyampaikan pengajaran yang sesuai dengan keadaan pesakit. Tambahan pula, Mitchem (2020) menekankan keperluan kepada sistem bimbingan dan pembangunan profesional berterusan, manakala Caggiano *et al.* (2021) mencadangkan bahawa pelaksanaan pendidikan di hospital perlu melibatkan sinergi antara sektor kesihatan dan pendidikan

Pelaksanaan PdP di hospital berdepan pelbagai kekangan. Jong dan Mohd Hanafi (2019) melaporkan isu seperti kekurangan guru, jadual rawatan yang tidak menentu, dan ketiadaan dasar yang konsisten. Fransisca (2025) menekankan bahawa guru kurang didedahkan kepada latihan khusus, manakala Mitchem (2020) menyorot keletihan emosi guru dan kekurangan sokongan psikososial. Caggiano *et al.* (2021) mencadangkan sinergi antara sektor pendidikan dan kesihatan sebagai kunci pelaksanaan mampan. Kajian-kajian ini menunjukkan keperluan kepada dasar bersama, latihan berstruktur dan pendekatan lintas sektor bagi mengatasi cabaran pelaksanaan pendidikan hospital.

7. Rumusan

Kajian literatur sistematik ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pelbagai model kurikulum dan strategi pengajaran yang telah dilaporkan dalam konteks Sekolah Dalam Hospital (SDH) di pelbagai negara. Hasil analisis terhadap sebelas artikel menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan di hospital memerlukan pendekatan yang bersifat fleksibel, menyeluruh dan berpusatkan murid. Antara tema utama yang dikenal pasti ialah keperluan kepada kurikulum yang boleh diubah suai mengikut keperluan rawatan dan tahap kesihatan pelajar, strategi pedagogi yang adaptif dan bersifat terapeutik, serta cabaran-cabaran pelaksanaan yang merangkumi aspek logistik, emosi guru dan kekangan dasar. Dapatan menunjukkan bahawa beberapa negara seperti Switzerland, Itali dan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai bentuk penyesuaian dalam sistem pendidikan hospital mereka. Kajian seperti oleh Caggiano *et al.* (2021), Karima (2023) dan McNamara (2025) memberi gambaran bahawa pelajar hospital memerlukan lebih daripada sekadar akses kepada kandungan kurikulum sahaja, malahan mereka memerlukan pendekatan holistik yang menyokong perkembangan kognitif, emosi dan sosial secara seimbang. Dalam hal ini, strategi pedagogi seperti biblio-terapi, muzik, pembelajaran reflektif dan penggunaan teknologi telah terbukti dapat meningkatkan penglibatan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama, analisis hanya melibatkan artikel yang diterbitkan dalam tempoh 2019 hingga 2025 dan dalam bahasa Inggeris, sekali gus mengehadkan keterangkuman kajian yang dijalankan dalam bahasa atau tempoh lain. Kedua, dapatan adalah bergantung kepada kualiti pelaporan dalam artikel yang dianalisis, yang mungkin tidak mencerminkan keseluruhan amalan di lapangan. Selain itu, tumpuan kepada pangkalan data tertentu (DOAJ, ERA dan ERIH PLUS) mungkin menyebabkan terdapat kajian relevan di pangkalan data lain yang tidak dimasukkan.

Kesimpulannya, kajian ini menekankan bahawa keberkesanan pendidikan hospital amat bergantung kepada kerjasama antara agensi, latihan guru yang bersesuaian, dan reka bentuk PdP yang mampu menyesuaikan diri dengan dinamik hospital. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat jurang tertentu dalam dokumentasi dasar dan sokongan jangka panjang terhadap guru

dan pelajar SDH, yang memerlukan perhatian serius daripada pihak berkepentingan. Oleh itu, hasil kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada penyelidikan lanjut dan pembangunan model yang lebih mampan dan sesuai dalam konteks pendidikan hospital.

Penghargaan

Tiada.

Konflik Kepentingan

Tiada.

Penyataan Etika

Semasa penyediaan manuskrip ini, para pengarang telah menggunakan Dimension AI dan ChatGPT, diakses pada 5 Julai 2025) untuk membantu mengenal pasti idea penyelidikan dan jurang pengetahuan melalui agregasi dan ringkasan literatur terkini dalam bidang ini. Semua penemuan yang dijana oleh AI telah disemak secara kritikal, disahkan, dan diintegrasikan oleh para pengarang, yang mengambil sepenuhnya tanggungjawab terhadap ketepatan dan interpretasi sumbangan tersebut.

Sumbangan Penulis

Muhammad Al Afiq Amiruddin^{1*}: Konsep, Metodologi, Pengurusan Data, Penulisan – Draf Asal.
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain^b: Penyeliaan, Pengesahan, Penulisan – Semakan & Penyuntingan.

Afiq Fadhlullah Yusoff^c: Sumber, Pengurusan Data, Visualisasi.

Afiq Afnan Surjana^d: Penyiasatan, Pengurusan Data, Penulisan – Semakan & Penyuntingan.

Ketersediaan Data

Tiada.

Rujukan

Almazroui, K. (2023). Learning as the best medicine: Proposal for SMART schooling for hospitalized children. *Heliyon*, 9(6).

Ari, A. (2025). Every Child Succeeds: Special Education for Special Children in Basel, Switzerland. *International Journal of Instruction*, 18(3), I-VI.

Brandi, U., Hodge, S., Hoggan-Kloubert, T., Milana, M., & Morris, T. H. (2025). Temporality and lifelong education and learning. *International Journal of Lifelong Education*, 44(1), 1-5.

Caggiano, G., Brunetti, L. I. G., Ho, K., Piovani, A., & Quaranta, A. (2021). Hospital school program: The right to education for long-term care children. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(21), 11435.

- Cooke, A., Smith, D., & Booth, A. (2012). Beyond PICO: The SPIDER tool for qualitative evidence synthesis. *Qualitative Health Research*, 22(10), 1435–1443.
- Di Padova, M., Pettoello-Mantovani, M., & Dipace, A. (2024). School in the hospital, the key role of an educating community. *Global Pediatrics*, 9, 100204.
- Jiliberto, F., & Alva, N. Z. (2025). Influencing Factors In-Hospital School Education: Exploring the Context From the Teacher's Perspective. *Continuity in Education*, 6(1), 1.
- Kadir, K. B. (2020, March). School in hospital (SIH): Issues, challenges and implications for dyslexia students. In *International Conference on Special Education In South East Asia Region 10th Series 2020* (pp. 65-71). Redwhite Press.
- Keehan, S. (2021). Continuing education in Irish hospital schools: Provision for and challenges for teachers. *Continuity in Education*, 2(1), 42.
- Mahalingam, N., & Jamaludin, K. A. (2021). Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 104-115.
- Małkowska-Szkutnik, A., Berkowska, A., Gajda, M., & Kleszczewska, D. (2021). Teaching in hospitals and healthcare resorts: A qualitative study of teachers' needs. *Education Sciences*, 11(7), 311.
- McNamara, F. (2024). The professional development needs of hospital teachers in Ireland: An exploratory case study. *Continuity in Education*, 5(1), 50.
- Mohammed, S., & Kinyo, L. (2020). Constructivist theory as a foundation for the utilization of digital technology in the lifelong learning process. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 21(4), 90-109.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: an updated guideline for reporting systematic reviews. *BMJ*, 372. <https://doi.org/10.1136/BMJ.N71>
- Phin, J. Y., & Yasin, M. H. M. (2019). Sekolah dalam hospital: Isu, cabaran dan implikasi pelaksanaannya. *Journal of Education and Social Sciences*, 12(2), 43-49.
- Radi, N. H., & Amran, S. (2023). Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002336-e002336.
- Ruiz, G., & Álvarez, A. G. (2016). Music education at hospital schools in Spain and Sweden: Paths between governing and knowledge. *European Education*, 48(4), 258-273.
- Sahaat, Z., & Nasri, N. M. (2020). Cabaran pelaksanaan mata pelajaran reka bentuk dan teknologi sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 51-59.

Penafian/Nota Penerbit: Pernyataan, pendapat dan data yang terkandung di dalam semua penerbitan hanya sanya dihasilkan oleh para penulis dan penyumbang dan bukannya daripada RISE dan/atau para editornya. RISE dan/atau para editornya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku pada orang atau harta benda yang berpunca daripada mana idea, metode, arahan atau produk yang dirujuk daripada kandungan yang dinyatakan di dalam manuskrip.